


(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir


05  
AUG

## KEBOLEHPASARAN SISWAZAH PP SAINS KAJI HAYAT TERBUKTI: 75% MENDAPAT PEKERJAAN SELEPAS TAMAT PENGAJIAN

 11825714 10207262639668668 7379686085825764739 n

PULAU PINANG, 4 Ogos 2015 - Universiti Sains Malaysia (USM) merupakan satu-satunya universiti yang menawarkan bidang pengkhususan Sains Gunaan Biologi dan Pengurusan Vektor dan Parasit di bawah Pusat Pengajian Sains Kajahayat (PPSK) bagi peringkat pelajar ijazah sarjana muda di negara ini.

Menurut Profesor Dr. Zairi Jaal, 61, bidang tersebut makin mendapat sambutan dalam kalangan pelajar Sains Kajahayat ini menunjukkan tanda aras yang semakin popular dan menjadi salah satu bidang yang mendapat perhatian para pelajar apatah lagi mereka yang mengikuti pengkhususan ini bukan sahaja mengkaji tentang serangga, tetapi mereka juga mempelajari tentang pengurusan dan pengawalan vektor dan serangga.

 11796214 10207262639908674 6420156378436173925 n

Tambah Zairi lagi, kebolehpasaran siswazah dalam bidang ini terbukti dengan 75% daripada jumlah graduan yang dihasilkan memperolehi pekerjaan dalam bidang swasta dan kerajaan sejeurus selepas tamat pengajian manakala selebihnya menyambung pengajian ke peringkat Sarjana.

Graduan Biologi and Pengurusan Vektor dan Parasit turut mendapat permintaan tinggi di negara-negara jiran seperti Singapura dan ini merupakan antara pencapaian terbaik PPSK.

"Sebilangannya ada yang ditawarkan pekerjaan sebelum tamat pengajian yang kebanyakan mereka bekerja sebagai ahli kaji serangga di Kementerian Kesihatan Malaysia, National Environment Agency (NEA) dan Pest Control Operators (PCO) di Singapura," katanya lagi yang telah berkhidmat selama 32 tahun di USM dalam bidang Kawalan Vektor dan Serangga. Teks : Syuhada Abd. Aziz, Siti Naquiah Abdillah/Foto : Hafiz Meah Ghouse Meah/Mohd Azrul Mohd Azhar.



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015